

Pegawai AmanahRaya sedia memberi penerangan jelas mengenai **produk amanah ditawarkan.**



B/4 R 13/7/12 MSO

# Produk amanah atasi masalah rancang harta

masih tidak dilaksanakan. Khidmat ini boleh diperolehi di semua 19 Cawangan AmanahRaya di seluruh.

AmanahRaya akan memberi panduan berkenaan instrumen perancangan harta dan produk yang bersesuaian antaranya wasiat dan juga produk berteraskan amanah seperti Amanah Safecare, Amanah Hartanah AmanahRaya.

Apabila seseorang itu mengetahui ciri produk berteraskan Amanah AmanahRaya dan perkhidmatan yang diberikan akan membuka peluang untuk mema-

terjadi dalam kalangan ahli keluarga kita.

Biarpun berdepan pelbagai masalah, cabaran dan rintangan untuk melaksanakan perancangan, kita tidak perlu tewas atau putus asa sehingga mengakibatkan kemudaratan berpanjangan terhadap keluarga sendiri.

## **Sedia pikul tanggungjawab, amanah**

Elakkan kita menjadi penyebab utama kepada kesengsaraan bagi meneruskan kehidupan seterusnya. Lakukan perancangan anda sekarang. Lakukan di AmanahRaya yang sentiasa bersedia memikul tanggungjawab dan amanah ini.

Daripada Huzaifah, katanya: "Diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada kami dua hadis; salah satu daripadanya telah saya lihat kenyataannya; dan sekarang saya sedang menung-  
nunggu kenyataan hadis yang kedua. Hadis yang pertama, bahawa amanah itu turun lalu masuk ke lubuk hati orang, Kemudian turun al-Quran lalu menjadi pedomannya, demikian pula sunnah Rasulullah SAW.

Hadis yang kedua, mengenai pencabutan amanah. Kata Rasulullah SAW: "Seseorang tidur sekejap lalu dicabut amanah dari hatinya dan tinggallah bekasnya seperti titik yang kecil; kemudian ia tidur pula lalu dicabut lagi sisa amanah itu, dan hanya tinggal seperti bengkak kecil di telapak tangan yang timbul setelah mengerjakan sesuatu dengan memakai kapak atau sebagai bengkak di kaki kerana memijak bara, isinya hanya sedikit cairan. Pada masa itu kelak hampir saja tak ada lagi amanah dalam masyarakat sehingga dikatakan: "Oh, di sana ada orang yang amanah; kata orang kepadanya; alangkah sabarnya, alangkah baiknya, alangkah cerdasnya; tetapi sebenarnya batin orang itu kosong dari keimanan.

Kata Huzaifah: Pada masa yang silam, zaman kejujuran itu telah kualami, sehingga

## INFO

### **Akaun Amanah AmanahRaya**

⊙ Akaun Amanah penting bagi memastikan benefisiari **dilindungi di sisi undang-undang dan terpelihara daripada masalah yang membebankan mereka di kemudian hari contohnya seperti terpaksa melalui proses pentadbiran pusaka selepas kematian keluarga, dapat menjamin kewangan bagi benefisiari di bawah umur dan sebagainya.**

⊙ Akaun Amanah sukarela **tidak terikat kepada pembekuan aset.**

⊙ Membolehkan pengagihan harta amanah **diserah secara berperingkat kepada benefisiari.**

⊙ Akaun Amanah sukarela tidak termasuk dalam harta pusaka yang **diagihkan menurut hukum faraid (bagi yang beragama Islam) dan Akta Pembahagian 1958 (bagi yang bukan beragama Islam).**

# 19 cawangan sedia khidmat profesional

Tanggungjawab dan amanah sebagai ketua keluarga sebagai ayah, ibu, suami, isteri dan anak sekalipun tidak akan terhenti di dunia atau selepas kita dipanggil menemui Ila-  
hi.

Begitu juga tanggungjawab sebagai pemimpin dan pemilik harta kerana kita bertanggungjawab untuk tidak meninggalkan waris di dunia alam keadaan porak-peranda, kedaifan atau dibiarkan meminta-minta.

Realiti yang perlu diterima, jika kita tidak arif dalam bidang perancangan harta dan pewarisan, maka jalan terbaik adalah untuk mendapatkan khidmat profesional daripada AmanahRaya yang telah diwujudkan hampir 100 tahun untuk memberi perkhidmatan kepada seluruh rakyat Malaysia.

## **Khidmat rundingan percuma**

Khidmat termasuk memberi penjelasan dan runding cara percuma bagaimana untuk merancang harta dan menyelesaikan masalah pentadbiran pusaka yang terbiar atau

hami bagaimana produk Amanah AmanahRaya dapat memberi jawapan kepada permasalahan perancangan.

Bukan itu saja, dengan adanya pengetahuan ini maka penilaian dapat dibuat lebih sistematik, logik dan berdasarkan pemahaman seimbang.

## **Patuhi faraid**

Namun, satu perkara penting yang perlu diingatkan, dalam apa juga perancangan harta, tidak boleh sekali-kali dengan tujuan atau niat membelakangkan faraid.

Ini asas yang perlu ada setiap kali perancangan dilakukan supaya tidak terpesong daripada tuntutan syarak. Yang pasti, kejadian seperti ini perlu dijadikan pengajaran dan keinsafan supaya tidak membiarkan perkara yang ditegah dan dilarang

- Penderma dapat memperuntukkan sebahagian harta yang diamanahkan kepada mana-mana benefisiari yang dikehendaki untuk tujuan tertentu mengikut kehendaknya.
- Pembentukan Akaun Amanah adalah mengikut undang-undang.
- Melindungi benefisiari terutama benefisiari bawah umur, orang kurang upaya, cacat akal atau yang tidak dapat dikesan.

saya biasa berniaga dengan siapa pun; jika dengan orang Muslim ia jujur kerana agamanya, jika dengan orang Nasrani atau Yahudi maka kejujuran itu ada di tangan atasannya. Adapun zaman sekarang, aku tidak mahu lagi berniaga kecuali dengan si Anu dan si Anu (kerana amanah)." (Hadis riwayat Muslim)

Kemudahan ini boleh dilakukan di mana-mana 19 cawangan AmanahRaya di seluruh negara. Anda boleh

menghubungi jabatan khas yang mengendalikan semua produk Amanah iaitu Jabatan Pentadbiran Amanah melalui e-mel [rosmaidar@arb.com.my](mailto:rosmaidar@arb.com.my) atau [nurazila@arb.com.my](mailto:nurazila@arb.com.my). Pegawai AmanahRaya bersedia memberi khidmat dengan tujuan utama iaitu merealisasikan perancangan anda.

# AMANAHRAYA

ESTATE ADMINISTRATION ■ TRUST MANAGEMENT ■ PROPERTIES ■ INVESTMENT ■ BANKING



## **Rencana**

disediakan Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan untuk keterangan lanjut boleh menghantar e-mel kepada [norsyillawaty@arb.com.my](mailto:norsyillawaty@arb.com.my)